

SALUTASI
MAJLIS MENANDATANGAN MOU ANTARA UTeM DAN UUM

SALUTASI

- 1. Yang Berusaha Profesor Dr. Mohd. Fo'ad bin Sakdan**
Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM)
- 2. Yang Berusaha Profesor Dr. Nor Hasni binti Osman**
Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik,
UUM
- 3. Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Norsiah Binti Hami**
Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa), Pusat
Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik, UUM.
- 4. Yang Berusaha Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Kamarul Irwan
bin Abdul Rahim**
Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), Pusat Pengajian
Pengurusan Teknologi dan Logistik, UUM.

Yang diraikan para delegasi Universiti Utara Malaysia.

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR

YBRS. PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN



اونیورسیتی تکنیکال ملaysia ملاک

27 November 2023 (Isnin)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5, Bangunan Canselor

SALUTASI

-Seperti di lampiran

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izinNya kita dapat bersama-sama di Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Teknikal Malaysia, Melaka (UTeM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM).
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan


kepada semua pihak yang hadir pada hari ini di atas kesudian dan kerjasama di dalam penganjuran Majlis ini. “Selamat Datang” dan “Selamat Bekerjasama” kepada tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.


Sekapur sireh datang bertandang,

Dihias bersama bunga Melati;

Dari Utara tuan puan datang,

Warga UTeM sedia menanti.


- 
3. Saya berasa sangat bertuah kerana pada hari ini, UTeM sekali lagi secara rasminya akan melebarkan lagi jaringan kerjasama di antara salah sebuah institusi pengajian tinggi awam yang tersohor di Malaysia, iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), '*The Eminent Management University*'.
 4. Kolaborasi di antara institusi pengajian tinggi awam merupakan salah satu inisiatif strategik yang perlu diberikan penekanan bagi memartabatkan Universiti di peringkat nasional dan antarabangsa.

- 
5. Tahniah diucapkan kepada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT) kerana telah berjaya mewujudkan kerjasama erat ini dalam memberi nilai tambah yang positif kepada aktiviti penyelidikan, pendidikan, penyeliaan dan pengurusan di antara kedua belah pihak.


Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

6. Melalui kerjasama ini, UTeM akan dapat meningkatkan keupayaannya menghasilkan graduan yang kompeten, berkualiti tinggi serta memenuhi keperluan dan


permintaan industri. Pemeteraian MoU antara pihak UTeM dan UUM dapat membawa kedua-dua institusi ini mencapai kecemerlangan pendidikan tinggi dalam negara dan antarabangsa.

- 
7. Dalam mendepani pelbagai cabaran dan isu-isu semasa, jalinan kerjasama ini amat penting untuk memastikan penyelesaiannya adalah mengikut acuan yang betul. Justeru melalui kerjasama strategik ini, pelaksanaan program yang lebih holistik, tersusun dan terselaras mampu untuk dilaksanakan. Dan saya lihat, pemeteraian

MoU antara pihak UTeM dan UUM ini adalah sangat perlu untuk membantu UTeM dan UUM terutamanya dari segi tahap penarafan dunia (QS dan THE) dan kecemerlangan UTeM dalam negara.

- 
8. Sepertimana usemua sedia maklum bahawa Universiti Utara Malaysia atau dikenali sebagai UUM merupakan Universiti Awam yang berfokus dalam bidang pengurusan. Justeru, aktiviti-aktiviti kerjasama antara UTeM dan UUM merangkumi perkembangan program akademik, pengajaran, penyelidikan, penulisan dan penganjuran

aktiviti bersama untuk manfaat pelajar, staff, fakulti dan universiti secara amnya.

- 
9. Saya berharap memorandum persefahaman antara UTeM dan UUM yang termeterai ini akan memberikan lembaran baharu dan nafas yang lebih segar kepada kerjasama antara UTeM dan universiti-universiti terkemuka dalam negara. Saya juga berharap pelaksanaan program-program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik dan memberi manfaat kepada semua yang terlibat.

Sekian.

Wabillahitaufiq wal hidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

